

Headline	THT mahu 'langgar' semua pasukan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Dec 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Sukan	Page No	55
ArticleSize	176 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,436		



FAIZAL SAARI (kiri) antara pemain kebangsaan memperkuatkan skuad THT bagi mengharungi musim 2018 yang akan membuka tirai pertandingan, bulan depan. - GAMBAR ARKIB BERNAMA

## THT mahu 'langgar' semua pasukan

**KUALA LUMPUR 23 Dis.** - Skuad Hoki Terengganu (THT) tidak akan memberikan laluan mudah kepada semua lawan mereka, selain memanfaatkan sebaik mungkin kelebihan yang dimiliki pemain dalam kempen Liga Hoki Malaysia (TNB-MHL 2019).

Jurulatih THT, I. Vickneswaran berkata, dia lebih selesa pasukannya bertindak sebagai pengacau pasukan lain, selain fokus untuk melakukan yang terbaik sepanjang kempen 2019.

"Ketika ini saya lihat pilihan utama adalah Universiti Kuala Lumpur (UniKL) kerana mereka mempunyai barisan pemain

yang bagus. Biarpun tidak sehebat UniKL, ia tidak menghalang kami untuk menyekat peluang pasukan lain meraih gelaran," kata Vickneswaran.

THT akan mendapatkan khidmat enam pemain import iaitu Daniel Kyriakides (Great Britain), Pablo Xavier Travisan dan Gonzalo Merino (Argentina), Jung Man Jae dan Jang Jong Hyun (Korea Selatan) serta Ahmad Shakeel Butt (Pakistan).

Dalam pada itu, THT juga akan diperkuatkan dengan empat pemain skuad Malaysian Tigers iaitu Nabil Fiqri Mohammad Noor, Fitri Saari, Faizal Saari dan Azri Hassan.